



UCAPAN PELANCARAN APLIKASI eKLINIK 6G JBG

OLEH

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi

Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman

YBrs Tuan M Bakri bin Abd Majid

Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia

Pegawai-pegawai kanan BHEUU, JBG dan Mdl

Tuan / Puan wartawan yang hadir,

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah dapat kita bersama-sama untuk majlis pelancaran pada hari ini.
2. Pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Jumaat 13 Oktober 2023 jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam mengutamakan fungsi Jabatan Bantuan Guaman yang akan diperkasakan dalam membela nasib rakyat susah untuk mendapatkan keadilan yang saksama.
3. Selaras dengan pembentangan tersebut, saya telah berbincang dengan Dato' Norazmi bin Mohd Narawi, Ketua Pengarah JBG untuk menggagaskan beberapa langkah permerkasaan khidmat bantuan guaman bagi memastikan rakyat yang tidak berkemampuan tidak terpinggir dalam mendapatkan hak mereka di sisi undang-undang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Antara beberapa perkara yang telah saya cadangkan kepada pihak JBG hari ini adalah:

Khidmat Pengantaraan-

- Perkhidmatan pengantaraan yang diperuntukkan di bawah seksyen 29A Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] merupakan penyelesaian pertikaian di luar Mahkamah bagi kes-kes litigasi

sivil dan syariah di bawah pengendalian JBG. Ia adalah proses di mana pihak-pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian mereka secara sukarela dan damai dengan bantuan pihak ketiga yang dikenali sebagai pengantara.

- Sesi pengantaraan ini bukan sahaja dijalankan secara fizikal tetapi juga secara dalam talian. Saya berharap JBG dapat memperkasakan perkhidmatan pengantaraan secara dalam talian sebagai satu anjakan paradigma. Perkhidmatan pengantaraan secara dalam talian ini memudahkan masyarakat dan mengurangkan kos pengangkutan pihak-pihak bertikai. Ini berlaku apabila pihak bertikai berada di tempat yang berbeza dan mengambil masa untuk melakukan perjalanan ke pejabat JBG yang telah ditetapkan untuk sesi pengantaraan. Sebagai contohnya, pihak bertikai berada di Melaka dan pengantaraan ditetapkan di Putrajaya, pihak bertikai tidak perlu hadir secara fizikal ke Putrajaya sebaliknya hanya hadir ke pejabat JBG Melaka dan sesi pengantaraan dijalankan secara dalam talian dari Putrajaya. Walaupun sesi pengantaraan dijalankan secara dalam talian, kerahsiaan tetap menjadi keutamaan.
- Bagi memperkasakan perkhidmatan pengantaraan dalam membantu Mahkamah dalam menggalakan penyelesaian luar Mahkamah, JBG perlu melihat kebolehsaknaan untuk membuat pelantikan pengantara di kalangan bekas hakim dan bekas Pegawai JBG dengan menggubal peraturan-peraturan baru.

Aktiviti Promosi

- Bagi memastikan rakyat yang duduk jauh dari bandar-bandar besar atau di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak mendapat akses keadilan, JBG harus mempergiatkan lagi aktiviti promosi khidmat bantuan guaman. Saya difahamkan bagi tujuan tersebut, JBG telah membuat pembelian 3 Van Klinik Bergerak dan masih dalam proses ubah suai.

Perkhidmatan Peguam Panel

- Bagi tujuan penambahbaikan litigasi sivil dan syariah, saya mencadangkan supaya JBG melibatkan lebih ramai peguam swasta menjadi peguam panel JBG. Peningkatan pelantikan Peguam Panel akan membantu mengendalikan kes litigasi yang melibatkan isu kepakaran dan jarak tempat tinggal anak guam dengan pejabat JBG yang jauh. Bagi kes yang melibatkan penjarakan, kes boleh ditugaskan untuk dikendalikan oleh peguam panel JBG yang beroperasi di kawasan tersebut.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

5. JBG akan sentiasa bersedia untuk membuka lembaran baru dalam aspek kepelbagaian golongan sasaran di bawah Akta 26 yang berkaitan **isu-isu semasa berbangkit seperti isu-isu kepenggunaan, hal ehwal kebajikan golongan pekerja profesional tertentu, hal-hal yang melibatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah serta peluang banduan-banduan yang boleh diwakili oleh JBG selain daripada perkara-perkara yang diliputi bawah Akta Bantuan Guaman 1971.**

6. Pada hari ini JBG telah menyediakan satu lagi nilai tambah terhadap perkhidmatan yang disediakan iaitu **penggunaan sistem permohonan penganjuran program atau penyediaan klinik guaman oleh orang awam/agensi swasta melalui aplikasi eKlinik 6G**. Sistem eKlinik 6G ini merupakan sistem dalam talian (*online*) untuk membolehkan mana-mana organisasi memohon untuk mengadakan program klinik guaman dan literasi undang-undang JBG di lokasi pilihan pemohon.

7. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada JBG kerana dapat membangunkan sendiri sistem ini dengan **sumber dalaman yang agak terhad**. Saya amat berbesar hati dapat melancarkan sistem ini yang diharapkan dapat memendekkan masa untuk kelulusan permohonan mengadakan klinik guaman. Saya juga percaya, melalui sistem ini **karenah birokrasi dapat dikurangkan dalam penyediaan program klinik guaman di seluruh negeri**.

Hadirin yang saya hormati sekalian.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan sistem aplikasi eKlinik 6G Jabatan Bantuan Guaman.

Sekian, terima kasih.